

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, October 31, 2019 9:16 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Muncul Juara Keseluruhan HE ELCA 2019



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

31 OKTOBER 2019 / 3 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

Gambar oleh: Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP)

UUM MUNCUL JUARA KESELURUHAN HE ELCA 2019



UUM ONLINE: UUM muncul juara keseluruhan dalam program *Higher Education English Language 2019* (HE ELCA 2019) yang berlangsung di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), baru-baru ini.

Persembahan penuh bertenaga dan unik melayakkan Western Dikir dari UUM mendapat tempat pertama seterusnya meraih pingat emas dan gangsa dalam Photojournalism, manakala Vlogs meraih perak dan gangsa.

Seramai 500 pelajar dari Universiti Awam (UA) di seluruh Malaysia menyertai program yang dirasmikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi, Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir.

Guru Bahasa Inggeris, Hafizani Hamid berkata, HE ELCA 2019 merupakan anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) dan UMT yang memberi peluang kepada peserta untuk mendalami budaya dan memperkasakan penggunaan Bahasa Inggeris dalam setiap acara.

“Tujuan utama program ini adalah untuk membantu para pelajar yang mendapat MUET Band 1, 2 dan 3 untuk mempertingkatkan penggunaan Bahasa Inggeris.

“Pelajar UUM terdiri daripada 26 orang yang sedang mengambil kursus SBLE3123 *English Proficiency III* di bawah kendalian Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP) telah mengambil peluang ini untuk menyertai pelbagai acara,” katanya.

Sementara itu, peserta, Muhammad Aqiff berkata, program ini telah mencipta kenangan yang tidak dapat dilupakan apabila mengaplikasikan kreativiti untuk berfikir dalam Bahasa Inggeris dengan berbekalkan sedikit ilmu tentang Dikir Barat.

“Kami tidak menjangka akan dinobatkan sebagai juara Western Dikir dan amat teruja dengan kemenangan ini hasil kerjasama yang baik dalam pasukan sebagai kunci kejayaan.

“Saya tidak akan melupakan pengalaman ini dan berharap agar ikatan yang terjalin antara pelajar dan pengajar berkekalan terima kasih kepada SLCP kerana memberi peluang untuk menyertai program berprestij ini,” katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.